
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

BST 304/3 - Ekologi & Pengurusan Hidupan Liar

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Jelaskan tajuk-tajuk berikut, sertakan contoh-contoh spesifik dalam penjelasan anda.
 - (a) Hidupan liar sebagai sumber alamiah.

(10 markah)
 - (b) Kewilayahan hidupan liar.

(10 markah)

2. Di dalam setiap habitat banyak faktor yang mempengaruhi kelimpahan hidupan liar. Jelaskan faktor-faktor kebajikan berikut dan sertakan contoh-contoh spesifik dalam penjelasan anda.
 - (a) Makanan.

(10 markah)
 - (b) Kawasan Perlindungan dan kawasan elakan.

(10 markah)

3. Peranan Badan-Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan (NGO) sangat penting bagi menjayakan usaha pemuliharaan di Malaysia. Jelaskan peranan badan atau pertubuhan berikut:
 - (a) Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

(10 markah)
 - (b) Dana Hidupan Liar Malaysia (WWF).

(10 markah)

4. Bincangkan tentang pengurusan hidupan liar berikut:
- (a) Tuntung (*Batagur baska*).
(10 markah)
 - (b) Seladang (*Bos gaurus*).
(10 markah)
5. Banyak ancaman yang dihadapi oleh hidupan liar di Malaysia. Bincangkan tentang ancaman-ancaman berikut serta bagaimana usaha menanganinya.
- (a) Kehilangan habitat.
(10 markah)
 - (b) Pembunuhan secara haram.
(5 markah)
 - (c) Industri haiwan belaan (Pet Industry).
(5 markah)
6. Universiti Sains Malaysia (USM) ingin menjadikan kampus induknya sebagai 'Kampus Dalam Taman'. Jika anda seorang pengurus hidupan liar apakah langkah-langkah yang perlu untuk menjayakan usaha murni ini. Bincangkan.
(20 markah)

